

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HKN 307 – KESUSASTERAAN NUSANTARA I: ASPEK TEORI  
DAN KRITIKAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Baca petikan berikut:

Pendeknya dari dahulu sampai sekarang sunyi bahasa Melayu itu daripada perbendaharaan ya'ni menyimpan akan mutiara fikiran2 yang besar2 dan tinggi2 pada segala pembacaannya; tiada kitab2 yang terisi didalamnya siasat yang dalam2 atau bekas2 pendapatan pengarang2 yang tinggi2 fikirannya, dan tiada kitab2 cerita atau tarikh yang boleh jadi tauladan atau akan tempat mengambil pengajaran dan iktibar. Bahkan orang2 Melayu hanyalah semenjak sepuluh tahun ini sahaja baru mendengar perkataan Tarikh dengan makna "History" dan mengerti akan makna dan tujuannya. Dahulu daripada ini tiap-tiap cerita atau hikayat dewa mambang dan sebagainya disangkanya benar belaka.

(Renongan, 1964:62-63)

Huraikan dan bincangkan pernyataan di atas di dalam persekitaran pengaruh "ilmu pengetahuan" dan hegemoni budaya Barat di Tanah Melayu pada abad ke-19/20. Sejauhmanakah pernyataan tersebut mencerminkan era "Pencerahan Timur" dan proses asimilasi budaya yang berlaku pada zaman tersebut?

2. Baca petikan berikut:

Setiap wacana tidak terujar bebas daripada naungan ideologi pengucapnya dan strategi penulisannya. Setiap wacana hadir dalam situasi sejarah dan realiti sosial yang khas (Lerner).

Berdasarkan fahaman di atas, bincangkan pembentukan naratif Barat tentang budaya Melayu (terutama kesusasteraan) dalam konteks "ideologi", "strategi penulisan" dan "realiti sosial" pada zaman kolonial dan pascakolonial.

3. Kritikan Telus (*Transparent criticism*) mengikut Nuttall adalah:

Accepting the text as a mimetic or representational, seeing it as a window which presents us with the human world beyond its border.

Bincangkan kaedah kritikan tersebut dan kesannya yang negatif ke atas karya historiografi Melayu. Bagaimanakah pandangan Teeuw tentang sifat genre ini boleh menyediakan kaedah bacaan yang lebih wajar?

4. Bincangkan kedua-dua pendapat di bawah dalam konteks pencarian kaedah bacaan yang sesuai untuk teks sastera Melayu:
  - [a] To give a text an author is to impose a limit on that text, to furnish it with a final signified, to close the writing." (Barthes)
  - [b] Epireading is predicated upon the desire to hear; to hear the absent person... (Donoghue)
5. Gagasan seperti "autonomy of the aesthetic" atau "experience as the supreme value" dalam dunia sastera terbit dari asumsi bahawa manusia adalah "autonomous" dalam berkebudayaan (Kamal Hassan).

Perkembangkan pandangan di atas, dalam konteks pembinaan teori sastera Melayu yang mandiri.

6. Sistem konvensi sastera menentukan kemungkinan pengenalan (identifikasi) dan pemberian makna pada karya sastera. Dengan merujuk kepada ciri-ciri khas sastera moden, bincangkan mengapakah penguasaan konvensi sastera masih belum menjamin ketrampilan susastera (*literary competence*) seseorang pembaca sehingga bacaan menjadi satu aktiviti yang penuh dengan risiko.
7. Baca sajak di bawah:

**Amuk**  
(Sutardji Calzoum Bachri)

Ngiau! Kucing dalam darah dia menderas lewat dia mengelir ngilu ngiau dia bergegas lewat dalam aortaku dalam rimba darahku dia besar dia bukan harimau bukan singa bukan hyena bukan leopard dia macam kucing bukan kucing tapi kucing ngiau dia lapar dia merambah rimba afrikaku dengan cakarnya dengan amuknya dia meraung dia mengerang jangan beri daging dia tak mau daging jesus! Jangan beri roti dia tak mau roti ngiau.

Sajak di atas memperlihatkan ciri-ciri penyimpangan dalam sastera moden yakni apa yang disebut sebagai defamiliarisasi, deotomatisasi (Shklovsky). Dengan berpandukan sajak di atas,uraikan ciri-ciri tersebut dalam konteks estetika pertentangan (Lotman). Berdasarkan proses bacaan yang disebut sebagai "naturalization" (Culler), jelaskan bagaimana sajak tersebut dapat difahami.